

Mahathir akan ambil perhatian khusus periksa LCE, MCE

KUALA KANGSAR 14 Sept — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad menegaskan beliau sendiri akan memberi perhatian khusus tentang peperiksaan-peperiksaan LCE dan MCE untuk mendapatkan keputusan yang lebih memuaskan.

Katanya, kelemahan keputusan peperiksaan - peperiksaan tersebut akan merugikan pelajar-pelajar kerana ia akan menghalang mereka dari melanjutkan pelajaran ke tingkatan yang lebih tinggi.

Berucap di hari ucapan dan penyampaian hadiah serta pembukaan bangunan bilik da jah Sekolah Jenis Kebangsaan Clifford, menteri menyatakan Kementerian Pelajaran sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini.

"Saya sendiri akan memberi perhatian yang khusus kepada masalah ini," tegasnya.

Bagaimanapun, ka-

tanya, usaha-usaha kerajaan sahaja belum cukup dan pihak ibubapa dan guru-guru mestilah juga meletakkan nilai yang sama terhadap perlunya pelajaran dalam aliran Bahasa Malaysia dilaksanakan dengan jayanya.

PENUH

Dr. Mahathir menerangkan beliau akan memberi perhatian sepenuhnya ke atas pertukaran sekolah rendah jenis kebangsaan Inggeris kepada sekolah renjau kebangsaan mulai tahun depan.

Tahun depan juga tidak terdapat lagi kelas peralihan dalam bahasa Inggeris dan hanya kelas peralihan dalam Bahasa Malaysia sahaja diadakan unuk murid-murid dari sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

Katanya, perubahan ini akan berjalan seperti yang dirancang dan beliau

place second sekali apabila ditandingkan ketika berumur dua tahun di Sydney Australia. Kejayaannya ketika itu ialah pada 27 Jun tahun ini dalam race 5f. Dalam race itu ia menang dengan memikul beban 7.12 menang dengan masa 1 m 1 3/5 saat. Placed second yang diperolehinya ialah dalam race 6f atas good going.

ESCORT IV yang dimiliki oleh Chua Buck Kwee itu ialah gelding Australia oleh Stipulate yang berindukkan dengan Aldette. Ketika berumur 3 tahun, Escort IV menang dua kali—lima kali masuk place, setelah ditandingkan 18 kali. Kemenangannya yang pertama ialah dalam lumba 7f di Hobart Turf Club, di mana pada hari itu 23 Dis. 1972 dia berjaya atas yielding track. Escort IV yang sebaka dengan keturunannya Miss Marianne itu pernah menang race 6f atas soft track. Kali akhir dia menang ialah dalam race 7f atas going good. Escort juga pernah ditandingkan dalam race 12f di Tasman Racecourse di mana dia berjaya masuk place di belakang pemenang Silaster. Demikian juga kebolehan kuda itu apabila ditandinekan da-